

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HSM 413 - Tema-Tema Terpilih dalam Sejarah Malaysia

Tarikh: 11 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Jawab TIGA(3) soalan, sekurang-kurangnya satu dari setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

1. Mengikuti Profesor Khoo Kay Kim, "Akhbar dan majalah Melayu adalah bahan yang sangat mustahak memungkinkkan pandangan secara langsung terhadap perkembangan, pergolakan dan perubahan yang berlaku sepanjang masa dalam masyarakat Melayu".

Bincangkan "perkembangan, pergolakan dan perubahan" yang dicerminkan dalam akhbar dan majalah Melayu dalam tahun-tahun 1930-an.

2. Dari sudut pandangan sosiologi pengetahuan, peranan utama para cerdikpandai ialah membentangkan tafsiran yang baru untuk alam kehidupan manusia dalam tempuh masa dan tempat yang berkenaan. Dengan memilih dua contoh tokoh tempatan, nilaikan sejauh manakah mereka telah cuba dan berjaya memainkan peranan ini.
3. Bincangkan sejauh manakah Perang Dunia Kedua merupakan satu garis penzamanan yang wajar bagi arus perubahan corak pemikiran dan sikap politik dalam masyarakat Melayu dan Cina.

BAHAGIAN B

4. Keluaran Al-Imam pada tahun 1906 biasanya dianggap sebagai permulaan Gerakan Reformisme Islam di Semenanjung Melayu. Bincangkan isu-isu utama yang telah dibangkitkan oleh tokoh-tokoh Al-Imam dan kesan-kesannya kepada masyarakat Melayu.

.../2

5. Melalui satu tinjauan terhadap pendirian dan pemikiran Tan Cheng Lock sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua, bincangkan sejauh manakah beliau berjaya menegakkan asas identiti tempatan bagi rakyat Tanah Melayu yang berketurunan Cina.
6. Pendekatan yang berbeza-beza telah digunakan dalam perbincangan mengenai "bangsa", "negara" dan "nasionalisme" bagi masyarakat majmuk yang telah wujud di Tanah Melayu. Bandingkan dan nilaikan dua(2) pendekatan terhadap konsep-konsep utama itu dari segi kejelasan dan implikasi kepada perkembangan politik Tanah Melayu.
7. Beberapa usaha menganalisis masalah kemunduran Melayu boleh dianggap berasaskan kepada andaian wujudnya sifat keperibadian bangsa (national character) yang boleh dihubungkan dengan maju atau mundurnya sesuatu bangsa. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang dianggap tepat, bincangkan sama ada pendekatan seperti ini telah membawa penjelasan kepada atau sebaliknya telah menambahkan salahfaham mengenai masalah orang Melayu.

-ooo000ooo-